

DR. Mahathir Mohamad



# IQRA'

Nota Panduan

# Al-Quran

2 Untuk Ummat



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDAMA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDAMA

اقراء  
IQRA'

NOTA PANDUAN  
AL-QURAN  
UNTUK UMAT

—•— daripada —•—

DR. MAHATHIR MOHAMAD



PUSTAKA BESTARI



1014006

Cetakan 1, 2018

**HAK CIPTA TERPELIHARA**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada GRUP BUKU KARANGKRAF SDN. BHD.

**JAMINAN KEPUASAN TERPELIHARA**

Sekiranya terdapat sebarang kesilapan percetakan, sila kembalikan kepada kami untuk diganti dengan naskhah yang baru. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila hubungi kami di talian 03-5501 3888 ext 3804 atau e-mel khairulnaim@karangkraf.com

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan



**NOTA PANDUAN  
AL-QURAN  
UNTUK UMAT**

daripada

DR. MAHATHIR MOHAMAD

- |                              |                        |
|------------------------------|------------------------|
| <b>Penerbit Eksekutif</b>    | • Firdaus Hussamuddin  |
| <b>Penyelaras Penerbitan</b> | • Ahmad Yani Abd Manaf |
| <b>Editor</b>                | • Andi Subarkah        |
|                              | • Khairul Naim Mansor  |
| <b>Pereka Letak</b>          | • Rahmat Deedat        |
| <b>Pereka Kulit</b>          | • Diky Muharam         |

**Diterbit oleh:**



**KARYA BESTARI SDN. BHD**  
Lot 26, Jalan Renggam 15/5,  
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,  
40200 Shah Alam Selangor, Malaysia.  
Phone: 03-5101-3888, Fax: 03-5101-3601

**Dicetak oleh:**



**ULTIMATE PRINT SDN. BHD.**  
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,  
Off Persiaran Selangor Seksyen 15,  
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-51013388





<b>Ad Deen – Cara Hidup Islam.....</b>	<b>ix</b>
<b>Nota Al-Quran .....</b>	<b>1</b>
(1) Surah Al Fatihah.....	1
(2) Surah Al Baqarah .....	1
(3) Surah Ali 'Imran .....	13
(4) Surah An-Nisaa' .....	23
(5) Surah Al-Maa'idah .....	44
(6) Surah Al An'aam .....	54
(7) Surah Al-A'raaf.....	59
(8) Surah Al-Anfaal .....	65
(9) Surah At-Tawbah .....	67
(10) Surah Yunus .....	72
(11) Surah Hud .....	77
(12) Surah Yusuf .....	80
(13) Surah Ar-Ra'd .....	82
(14) Surah Ibrahim.....	85
(15) Surah Al-Hijr.....	85

(16) Surah An- Nahl.....	86
(17) Surah Al- Israa' .....	93
(20) Surah Taha.....	96
(21) Surah Al-Anbiyaa'.....	98
(22) Surah Al-Hajj.....	99
(23) Surah Al-Mukminun.....	101
(24) Surah An-Nur.....	101
(25) Surah Al-Furqaan .....	111
(26) Surah Asy-Syu'araa'.....	113
(27) Surah An-Naml .....	115
(28) Surah Al-Qasas.....	115
(29) Surah Al-'Ankabut .....	119
(30) Surah Ar-Rum .....	120
(31) Surah Luqman.....	123
(33) Surah Al-Ahzaab.....	123
(34) Surah Saba' .....	126
(38) Surah Saad .....	126
(39) Surah Az-Zumar .....	128
(40) Surah Al-Mukmin.....	130
(42) Surah Asy-Syura .....	131

(45) Surah Al-Jaathiyah.....	134
(46) Surah Al-Ahqaaf .....	135
(49) Surah Al-Hujuraat .....	135
(51) Surah Adz-Dzaariyaat.....	139
(53) Surah An-Najm .....	140
(55) Surah Ar-Rahmaan .....	141
(57) Surah Al-Hadiid .....	142
(58) Surah Al-Mujaadalah .....	142
(59) Surah Al-Hasy-r.....	143
(60) Surah Al-Mumtahanah .....	144
(61) Surah As-Saff .....	146
(62) Surah Al-Jumu'ah.....	147
(65) Surah At-talaaq.....	148
(66) Surah At-Tahriim .....	148
(67) Surah Al-Mulk.....	149
(68) Surah Al-Qalam .....	149
(70) Surah Al-Ma'aarij.....	149
(83) Surah Al-Mutaffiin.....	150
(87) Surah Al-A'laa .....	150
(88) Surah Al-Ghaasyiyah.....	150

(93) Surah Adh-Dhuha .....	151
(95) Surah At-Tiin .....	152
(96) Surah Al-Alaq.....	153
(103) Surah Al-Asr.....	154
(107) Surah Al-Maa'uun.....	154
(109) Surah Al-Kaafiruun.....	155
(110) Surah An-Nasr.....	156
<b>Indeks .....</b>	<b>159</b>



1. Iqra' ialah perkataan pertama dalam wahyu Allah SWT kepada Nabi Muhammad Pesuruhnya.
2. Iqra' bermakna baca. Ada yang tidak bersetuju dengan terjemahan ini tetapi kebanyakan umat Islam terima bahawa iqra' bermakna baca.
3. Membaca adalah salah satu daripada cara mendapat maklumat. Wahyu Allah SWT dalam surah-surah dan ayat-ayat di dalam Al-Quran bertujuan untuk menyampaikan maklumat, ilmu dan pengajaran kepada umat manusia supaya mereka dapat mengangkat diri mereka lebih tinggi daripada haiwan. Maka dengan itu akan terdirilah suatu tamadun manusia yang lebih baik daripada cara hidup manusia terdahulu.
4. Sesungguhnya inilah yang berlaku apabila ajaran Islam berkembang ke seluruh dunia. Nikmat yang didapati oleh umat manusia tidak terhitung besarnya. Manusia yang jahil kini berjaya mendirikan tamadun yang mengagumkan dunia sehingga sekarang.
5. Namun kini tamadun Islam sudah luput. Hari ini orang Islam sudah tidak bermaya lagi. Mereka dihina, diherdik, diserang, dan dibunuh dengan sewenang-wenangnya. Negara mereka diserang, ditawan, dan dihancurkan. Agama mereka yang suci sudah tidak lagi dihormati dan disanjung tinggi. Bahkan ia sudah dikaitkan dengan keganasan yang tidak berperikemanusiaan.
6. Peperangan sesama mereka berlaku tiada henti. Demikianlah buruknya keadaan di negara Islam sehingga berjuta rakyat mereka lari mencari perlindungan di negara bukan Islam.

7. Ya, memang pun pernah ada pengikut Nabi yang lari atau berhijrah ke negara Kristian. Tetapi pada waktu itu Makkah masih dikuasai oleh puak Quraish yang bukan Islam.
8. Persoalannya adalah apakah sebabnya malapetaka menimpa umat Islam sekarang? Mereka tegas mendakwa Islam adalah agama mereka. Mereka tidak meninggalkan ibadah-ibadah yang diwajibkan ke atas mereka. Mereka menyebut nama Allah siang dan malam.
9. Tetapi sebenarnya cara hidup mereka tidaklah menepati cara hidup Islam. Walaupun mereka dengan bangganya mendakwa bahawa Islam adalah agama mereka yang bukanlah hanya sebagai satu kepercayaan. Tetapi berbeza dengan agama lain kerana Islam juga adalah satu cara hidup.
10. Apabila orang Islam mendakwa bahawa Islam adalah satu cara hidup maka timbullah soalan sama ada cara hidup mereka sekarang mencerminkan cara hidup Islam. Apakah benar kerana mengamalkan cara hidup Islamlah malapetaka yang dilihat sekarang ini menimpa mereka.
11. Kita tidak perlu merujuk kepada alim ulama untuk mengetahui apakah hubungan antara orang-orang Islam. Bukankah Al-Quran berkali-kali menyebut bahawa orang Islam adalah bersaudara. Tidakkah Al-Quran melarang pembunuhan, terutama sesama orang Islam.
12. Membunuh seseorang yang Islam mahupun yang bukan Islam adalah sama dengan membunuh seluruh umat manusia. Orang Islam yang membunuh orang Islam akan dihumban ke dalam neraka.
13. Tetapi apakah yang kita lihat sekarang? Orang Islam di negara Islam berperang sesama sendiri. Negara Islam dihancurkan dan beratus ribu orang Islam, kecil, besar, tua dan muda, yang cacat dan yang terbaring kerana sakit, yang hamil dan



anak yang baru dilahirkan - semua terbunuh, cedera parah, kehilangan kaki dan tangan serta tidak dapat dirawat akibat serangan yang bertalu-talu.

14. Inikah nasib orang Islam yang ditentukan oleh Allah SWT apabila mengamalkan cara hidup Islam? Atau apakah semua ini menimpa orang Islam kerana tidak menepati cara hidup Islam.
15. Al-Quran sudah pun menyatakan segala yang buruk datang dari kita. Dania datang tentulah kerana kita membelakangkan cara hidup Islam.
16. Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT untuk memandu umat manusia ke jalan yang benar. Cara hidup Islam adalah di antara panduan ke arah jalan yang benar. Sudah tentu jika cara hidup Islam ini dituruti, kita akan memperolehi kebahagiaan.
17. Tetapi pada kebiasaannya cara hidup Islam tidak diberi banyak tumpuan apabila agama Islam diajar kepada orang Islam. Tumpuan ialah kepada ibadat-ibadat tertentu yang memberi pahala untuk akhirat kepada pengamal. Dan kerap kali ibadat yang sunat diwajibkan dan ditambah untuk mendapat pahala bagi diri sendiri di akhirat.
18. Hanya dalam khutbah Jumaat kadang-kadang terdengar ulasan berkenaan cara hidup Islam. Tetapi ini kurang berkesan.
19. Oleh kerana cara hidup Islam tetap akan membawa kebahagiaan kepada umat Islam, maka percubaan dibuat di sini untuk mengenalpasti ayat-ayat dalam Al-Quran yang boleh menjadi panduan akan cara hidup Islam yang sebenar.
20. Sesungguhnya terdapat banyak ayat-ayat dalam Al-Quran yang menjelaskan dan mewajibkan umat Islam menurut supaya mendapat kebahagiaan dari cara hidup Islam.

Kerap kali jika sesuatu itu penting untuk dituruti oleh umat Islam, maka ia diulang berkali-kali di dalam Al-Quran.

21. Demikian keadilan apabila menghukum disebut lebih empat puluh kali. Iaitu, apabila kamu menghukum, hukumlah dengan adil di ulangi dalam beberapa surah. Ditekankan bahawa walaupun terhadap orang yang tidak disukai, atau orang yang bukan seagama, namun keadilan mestilah dilakukan apabila menghukum.
22. Jika masyarakat Islam dan negara-negara Islam begitu tegas menghukum dengan adil walaupun ke atas orang bukan Islam, tentulah dunia akan berasa senang dan hormati pentadbiran negara Islam dan berasa selesa tinggal di negara Islam. Tetapi hakikatnya ialah kerap kali hukuman ke atas orang bukan Islam berbeza dengan hukum ke atas orang Islam. Dan hukuman ke atas orang Islam pun kerap kali didapati tidak adil seperti yang dikehendaki oleh Islam.
23. Seorang bukan Islam yang tinggal di negara Islam menceritakan berkenaan hukum ke atas orang bukan Islam jika keretanya disondol dari belakang oleh kereta yang dipandu oleh orang Islam.
24. Hakim mendapati bahawa yang salah ialah pemandu bukan Islam kerana jika dia tidak tinggal di negara itu, kejadian ini tidak akan berlaku.
25. Cadangan mengenakan hukum hudud hanya kepada orang Islam di negara di mana ramai penduduk bukan beragama Islam, juga akan menghasilkan ketidakadilan apabila pencuri Islam dipotong tangan sementara pencuri bukan Islam dihukum penjara dua bulan sahaja. Sepanjang hayatnya pesalah Islam akan didera, tetapi selepas dua bulan orang bukan Islam hidup seperti biasa.

26. Adakah jika pencuri Islam didera seumur hidup kerana tidak mempunyai tangan sementara pencuri bukan Islam, selepas dua bulan penjara hidup sempurna seperti biasa, adakah perbezaan hukum ini adil?
27. Ada juga cadangan supaya dikenakan hukum hudud kepada penganut agama bukan Islam untuk mencapai keadilan. Tetapi Al-Quran berkali-kali menjelaskan bahawa Allah SWT tidak suka kepada orang yang mencetus huru-hara dan kerosakan. Di Malaysia dengan 40% dari penduduk bukan Islam, dan mereka menentang hukum hudud, percubaan mengenakan hukum hudud ke atas mereka tetap akan mencetuskan huru-hara dan kerosakan.
28. Menghukum di dalam Islam yang penting ialah keadilan. Dalam usaha melakukan keadilan dan mengelak rusuhan, maka jalan yang terbaik ialah mengenakan hukum yang sama, bukan sahaja adil tetapi tidak mencetuskan huru-hara dan kerosakan dalam negara. Jika dengan menyamakan hukuman keadilan tercapai, maka hukuman ini menepati agama Islam.
29. Dalam Al-Quran Allah menegaskan bahawa agama Islam bukanlah untuk membebankan umat Islam. Sebab itu terdapat banyak keringanan diberi supaya dalam keadaan tertentu pengamalan agama Islam tidak menyusahkan umat Islam.
30. Dalam usaha mengenali cara hidup Islam, banyaklah panduan yang terdapat dalam surah-surah dan ayat-ayat daripada Al-Quran. Setelah membaca dan menelitinya berkali-kali, maka ayat-ayat yang boleh membantu ke arah kehidupan cara Islam dikenalpasti dan dibukukan dalam buku ini. Tujuannya ialah supaya kita hidup cara Islam dan apabila kita keliru dan menemui jalan buntu maka kita dapat rujuk kembali kepada ayat-ayat daripada Al-Quran.

31. Sesungguhnya Al-Quran memberi banyak petunjuk berkenaan cara hidup. Tetapi kita rugi kerana tidak dapat memahami ajaran Al-Quran dalam bahasa Arab. Agar mendapat nikmat sepenuhnya ayat-ayat Al-Quran perlulah diterjemahkan ke dalam bahasa yang kita boleh fahami.
32. Percubaan dibuat disini untuk kenalpasti ajaran Al-Quran yang boleh memandu akan cara hidup Islam dan terjemahan dibuat supaya kita faham ajaran Islam berkenaan cara hidup Islam dan dapat mengamalkannya.

*bin*  
**Dr. Mahathir/Mohamad**

Putrajaya, Oktober 2017





## (1) SURAH AL FATIHAH

### Ayat 6:

---

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

Tunjukkanlah kami jalan yang lurus.

(Aliran yang tidak dipengaruhi oleh emosi dan sentimen yang melulu)

## (2) SURAH AL BAQARAH

### Ayat 4:

---

وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ  
وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

Dan juga orang-orang yang beriman kepada kitab Al-Quran yang diturunkan kepadamu, (wahai Muhammad) dan kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta yakin akan hari kiamat.

**Nota: Beriman juga kepada kitab Taurat dan Injil.**

*"Islam mengiktiraf semua kitab, samawi (revealed scriptures) yang diturunkan sebelum Al-Quran"*

# IQRA'

Nota Panduan Al-Qur'an untuk Ummat



Dikenal sebagai 'Bapa Pemodenan' Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya membawa Malaysia menjadi negara yang moden. Dengan pelbagai kejayaan yang diukirnya, sosok negarawan yang bijak dan ramah ini menjadi sorotan dunia apabila kembali ke tampuk kekuasaan di usia 93 tahun.

Anak bongsu yang dilahirkan di antara sembilan adik beradik, adalah putera dari seorang guru besar dan dikenali mempunyai kebiasaan membaca pelbagai jenis buku dan karya. Penguasaannya terhadap bahasa Inggeris juga menjadi kelebihan padanya untuk terus menggali pelbagai khazanah ilmu, termasuk mendalami dunia perubatan sehingga mengantarkannya menjadi seorang doktor perubatan.

Seakan sudah mendarah daging semenjak di menara gading dahulu, kebiasaannya membaca dan menulis sama ada artikel serta buku tidaklah berkurang hingga ke hari ini. Malah kini minatnya merenung, menghayati dan mendalami al-Quran, kitab suci yang diturunkan Allah SWT sebagai panduan hidup, makin bertambah. Kemudian beliau menuangkan pesan-pesan al-Quran itu ke bahasa yang lebih mudah difahami masyarakat guna memperbaiki akhlak serta tuntunan hidup bermasyarakat dan bernegara. Melalui buku kecil ini, Tun Dr Mahathir Mohamad membawa pesanan besar, merekatkan kembali retak-retak yang mulai terlihat pada kehidupan bangsa Melayu khususnya, dan masyarakat Malaysia umumnya.

Hanya kepada Allah kita semua berharap, semoga pesanan besar ini sampai kepada semua lapisan yang merindui kejayaan di dunia dan akhirat. Akhir kata, selamat membaca pesanan seorang negarawan yang kini menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-7, melalui karya, Iqra' Nota Panduan al-Quran untuk Ummat. Selamat membaca...

